

NAMA & KELAS

Bab 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

1. Apakah maksud Perlembagaan.
 - A. Negara berdaulat
 - B. Undang-undang tertinggi
 - C. Negara merdeka
 - D. Negara berwibawa

2. Pernyataan di bawah berkaitan dengan penubuhan Majlis di Sabah.
X memberikan kuasa kepada Gabenor untuk membuat undang-undang.
Apakah X ?
 - A. Majlis Kerja
 - B. Majlis Negeri
 - C. Majlis Tertinggi
 - D. Majlis Undangan

3. Apakah yang menjadi asas pembentukan Perlembagaan
 - A. Nilai tradisi Kesultanan Melayu
 - B. Prinsip undang-undang British
 - C. Undang-undang Aceh
 - D. Undang-undang Mahkota Alam

4. Ciri tradisional dalam pengubalan perlembagaan ialah
 - A. bahasa Melayu
 - B. kewarganegaraan
 - C. Kerajaan Persekutuan
 - D. Sistem Demokrasi Berparlimen

5. Berikut merupakan ciri undang-undang Negeri Melayu
 - A. Raja sebagai pemerintah
 - B. Rakyat negeri rakyat merdeka
 - C. Pembesar menentukan undang-undang.
 - D. Sistem Pemerintahan ialah berpusat

6. Sebelum kedatangan kuasa Barat, negara kita mempunyai X dan Y sebagai asas perlembagaan. Apakah X dan Y?
 - A. Kedaulatan Moden dan Kedaulatan Tradisional
 - B. Undang-undang dan adat Melayu
 - C. Hukum Kanun dan Hukum Laut
 - D. Raja dan rakyat

NAMA & KELAS

7. . Perlembagaan Sarawak 1956 memberikan kuasa pentadbiran negeri kepada
- A. Majlis Tertinggi
 - B. Majlis Negeri
 - C. Majlis Undangan
 - D. Majlis Kerja
8. Antara perkara-perkara terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957 ialah
- A. Kerajaan Persekutuan merupakan kerajaan pusat
 - B. Parlimen mengandungi tiga dewan
 - C. Kewarganegaraan yang sama.
 - D. Majlis Raja-raja Melayu
9. . Perlembagaan Persekutuan mempunyai keunikan kerana
- A. Mengandungi tugas utama pemimpin
 - B. Mengandungi ciri tradisional dan moden
 - C. Melaksanakan pilihan raya
 - D. Rakyat hidup aman dan harmoni
10. Antara ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan adalah
- I. Kesultanan atau Pemerintahan Beraja
 - II. Kedudukan orang Melayu dan Bumiputra
 - III. Digemari semua
 - IV. Kuasa seorang konsul
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
11. Antara ciri moden Perlembagaan Persekutuan
- I. Berpandukan Adat
 - II. Kuasa oleh Yang di Pertuan Agong
 - III. Kerajaan Persekutuan
 - IV. Sistem Demokrasi Berparlimen
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
12. Antara perkara utama yang berlaku dalam pindaan Perlembagaan 1963 adalah
- A. Stuktur Mahkamah Atasan
 - B. Agama Islam Agama rasmi semua
 - C. Kedudukan rakyat asing
 - D. Hasil mahsul negeri

13. Berikut merupakan petikan akhbar Singapura keluar dari Malaysia



Apakah usul yang diluluskan oleh Parlimen pada Pindaan Perlembagaan 1965?

- A. Semua perkara berkaitan Singapura di mansuhkan
- B. Mesti mematuhi peraturan
- C. Tidak relevan
- D. Anti peperangan

14. Apakah yang dimaksudkan dengan Malaysia sebagai sebuah negara persekutuan?

- A. Negara yang dibentuk dengan persetujuan beberapa buah negeri dan kerajaan Pusat diberikan kuasa tertentu, di samping kerajaan Negeri dengan kepentingan-kepentingan tempatan.
- B. Mengandungi Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada zaman British dahulu.
- C. Semua negeri mesti patuh kepada kerajaan pusat.
- D. Kerajaan dilantik oleh rakyat.

15. Asas Perlembagaan Malaysia yang terbentuk pada hari ini adalah berdasarkan

- A. Perlembagaan Persekutuan 1948
- B. Perlembagaan United Kingdom
- C. Perlembagaan Tanah Melayu 1957
- D. Perlembagaan Malayan Union

16. Antara pernyataan berikut, siapakah yang bertanggungjawab untuk menjaga hak istimewa orang Melayu di Persekutuan Malaysia?

- A. Sultan atau Yang Dipertua Negeri
- B. Perdana Menteri
- C. Yang Di-Pertuan Agong
- D. Ketua Setiausaha Negara

NAMA & KELAS

17. .Apakah kategori mahkamah dalam senarai di atas?

- Mahkamah Agung
- Mahkamah Rayuan
- Mahkamah Tinggi Malaya dan Borne

A. Mahkamah Khas.

B. Mahkamah Negeri.

C. Mahkamah Atasan.

D. Mahkamah Rendah.

18. Pilih pernyataan yang BENAR tentang faktor-faktor timbulnya pertikaian antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan Singapura sehingga membawa kepada pemisahan Singapura pada tahun 1965.

I. Persaingan politik antara PAP dengan MCA.

II. Isu perlembagaan berkisar soal ekonomi dan kewangan.

III. Tuntutan Singapura terhadap Pulau Batu Putih di selatan Johor.

IV. Perbezaan pendekatan Parti Perikatan dan PAP tentang masalah perkauman di Malaysia.

A. I, II dan III

B. I, II dan IV

C. I, III dan IV

D. II, III dan IV

19. Sabah dan Sarawak menyertai Tanah Melayu untuk membentuk Negara Malaysia pada.....

a. 1957

b. 1959

c. 1963

d. 1960

NAMA & KELAS

20. Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka merupakan...

- a. adat istiadat istana
- b. pantang larang masyarakat
- c) undang-undang bertulis
- d) undang-undang tidak bertulis